0425

U 0860 BAH

MAHATHIR - PERSYARIKATAN

KUALA LUMPUR, 21 DIS (BERNAMA) -- DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA YANG BERTUJUAN UNTUK MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA TIDAK DAPAT BERJALAN LANCAR KERANA WUJUDNYA PELBAGAI TUDUHAN NEGATIF TERHADAP USAHA ITU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA, OLEH KERANA ITU KERAJAAN TIDAK BERANI BERHUBUNG RAPAT DENGAN PIHAK SWASTA KERANA TAKUT DITUDUH +MEMBUAT SESUATU YANG DILARANG SEPERTI TELAH DISOGOK ATAU MENERIMA RASUAH.+

+OLEH ITU KITA JAUHKAN DIRI DENGAN ORANG-ORANG TERTENTU DAN PIHAK SWASTA,+ KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN MAKAN BERSAMA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA DI SINI.

BELIAU YANG MERUPAKAN TETAMU KEHORMAT MAJLIS ITU MENAMBAH KATA JIKA TUDUHAN-TUDUHAN SEPERTI ITU DISIARKAN IA TIDAK AKAN MENGUNTUNGKAN SESIAPA, BAIK KERAJAAN MAHUPUN PIHAK SWASTA.

UNTUK ITU BELIAU MENASIHATKAN GOLONGAN YANG MEMBUAT TUDUHAN-TUDUHAN NEGATIF SEPERTI ITU SUPAYA MENUNJUKKAN BUKTI. -- LAGI

0057MST 22 12 88

0427

U 0861 BAH

MAHATHIR - PERSYARIKATAN 2 KUALA LUMPUR

+BUKAN KERAJAAN 100 PERATUS BAIK TETAPI JANGAN BUAT TUDUHAN RASUAH DENGAN BEGITU MUDAH KERANA KESANNYA BURUK TERUTAMA SEKALI KEPADA PIHAK SWASTA+, KATANYA.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATA PERDANA MENTERI, KERAJAAN TETAP AKAN MENERUSKAN DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA ITU.

PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN DAN SWASTA ADALAH PENTING KERANA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI OLEH PIHAK SWASTA DAPAT DIBAHAGI-BAHAGIKAN KEPADA SEMUA PIHAK DAN KEUNTUNGAN ITU JUGA DAPAT MEMBANTU KERAJAAN MEMBANGUNKAN NEGARA, TEGASNYA.

WALAUPUN TERDAPAT TUDUHAN-TUDUHAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN KAKITANGAN KERAJAAN, TERMASUK MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI SUPAYA +BERHUBUNG RAPAT DAN MEMBERI PERTOLONGAN YANG SERBA BANYAK KEPADA PIHAK SWASTA+.

BELIAU MENAMBAH KATA TERDAPAT JUGA GOLONGAN YANG MENUDUH KONONNYA KERAJAAN HANYA MEMBERI BANTUAN KEPADA GOLONGAN TERTENTU SAHAJA. -- LAGI

0107MST 22 12 88

0429
U 0862 BAH
MAHATHIR - PERSYARIKATAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKAN SEJUMLAH WANG YANG BESAR BAGI MEMBANTU LEBIH 20 KOPERASI YANG MENGHADAPI MASALAH DAN JUMLAH ITU ADALAH LEBIH DARIPDA PERUNTUKKAN KERAJAAN UNTUK MEMBANTU BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA BAGAIMANAPUN KEADILAN YANG DITUNJUKKAN OLEH KERAJAAN ITU TIDAK DIHARGAI DAN TIDAK MENDAPAT PERHATIAN YANG SEWAJARNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PIHAK SERING MELEMPARKAN TUDUHAN-TUDUHAN NEGATIF KE ATAS DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN SEPERTI DASAR EKONOMI BARU.

UNTUK ITU KERAJAAN MENUBUHKAN SEBUAH MAJLIS PERUNDINGAN YANG KEANGGOTAANNYA TERDIRI DARIPADA 50 PERATUS BUMIPUTERA DAN 50 PERATUS BUKAN BUMIPUTERA UNTUK MERANGKA DASAR BARU BAGI MENGGANTIKAN DASAR EKONOMI BARU SELEPAS 1990.

KATANYA, TINDAKAN ITU IALAH UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA GOLONGAN PENGKRITIK UNTUK SAMA-SAMA MERANGKA DASAR YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA PADANGAN-PANDANGAN DARIPADA PELBAGAI PIHAK, KERAJAAN BERHARAP SUATU DASAR YANG LEBIH BAIK DAPAT DIADAKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA MAJLIS PERUNDINGAN ITU DITUBUHKAN BUKAN UNTUK BERPURA-PURA TETAPI SERIUS DALAM TANGGUNGJAWABNYA UNTUK MEWUJUDKAN SUATU DASAR YANG ADIL. -- LAGI
0128MST 22 12 88

0431
U 0863 BAH
MAHATHIR - PERSYARIKATAN 4 KUALA LUMPUR

+INI TIDAK BERMAKNA KERAJAAN TIDAK MENJALANKAN TANGGUNGJAWABNYA TETAPI UNTUK MEMBERIKAN PELUANG KEPADA ORANG RAMAI MEMAINKAN PERANAN YANG SAMA KERANA KERAJAAN TIDAK MAHU MENGASINGKAN DIRI DARIPADA RAKYAT,+ JELAS BELIAU.

BILA DITANYA OLEH PEMBERITA MENGENAI TAWARAN BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSIEN ONN UNTUK MENJADI ORANG TENGAH BAGI MENYELESAIKAN MASALAH PERPADUAN ORANG MELAYU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYAMBUT BAIK TAWARAN ITU DAN SUDI BERJUMPA DENGAN TUN HUSSIEN BAGI MEMBINCANGKAN PERKARA BERKENAAN.

PADA MAJLIS ITU DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DIHADIAHKAN SEBUAH KEK HARIJADI DAN SEBUAH CENDERAMATA YANG BERBENTUK TEPAK SIRIH DARIPADA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA (DPPMM).

PERDANA MENTERI DAN ISTERI KEMUDIAN TELAH BERJAYA MENGUTIP DERMA SEBANYAK $50,050 UNTUK DPPMM DENGAN MENYANYIKAN SEBUAH LAGU SETIAP SEORANG.

PERDANA MENTERI MENDENDANGKAN LAGU POPULAR SENIMAN AGUNG P. RAMLEE +GETARAN JIWA+ MANAKALA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MENYANYIKAN LAGU +KENANG DAKU DALAM DOAMU+. -- BERNAMA
0139MST 22 12 88